

# Buku UMS diperagakan di pesta buku terbesar dunia 'Frankfurter Buchmesse'

WB 23.10.2019 7

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Penerbit UMS buat julung kalinya menyertai pesta buku terbesar dunia 'Frankfurter Buchmesse' atau Frankfurt Book Fair (FBF) di Frankfurt, Jerman baru-baru ini.

UMS yang diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Madya Ts Dr. Ramzah Dambul dan Pengarah Penerbit UMS, Prof Madya Dr. Asmiaty Amat merupakan antara peserta rombongan Malaysia ke FBF yang turut disertai Menteri Pendidikan Malaysia Dr Maszlee Malik.

Menurut Prof Madya Dr. Asmiaty, FBF berbeza dengan acara-acara perbukuan dunia yang lain kerana lebih kepada memperdagangkan hak cipta yang merangkumi kandungan buku, gagasan dan inovasi, hak terjemahan, hak penerbitan, kontrak dan pelbagai persepakatan lain.

"Selaku universiti tunggal dari rantau Borneo, UMS memperagakan sebuah buku yang unik tentang Sabah berjudul 'Kedaulatan Harga Mati: Pencerobohan Sulu dan Dampaknya Kepada Keselamatan Pantai Timur Sabah', selain turut mempamerkan katalog buku-buku terbitan terkini UMS.

"Peluang menyertai pesta buku antarabangsa berprestij ini turut digunakan rombongan dari UMS untuk mengadakan perbincangan bagi menjalin kerjasama dengan beberapa penerbit dan syarikat 'aggregator' antarabangsa seperti EBSCO, APA Publishing, Springer, MC Graw-Hill, Bangla



**MEMORANDUM:** Dr. Asmiaty (kanan) mewakili UMS menandatangani dokumen MoU bersama Cengage Learning Asia, sambil disaksikan oleh Dr Maszlee.

Academy, Cengage Learning Asia, Taylor & Francis dan De Marque Inc, Kanada," katanya.

Jelas Dr. Asmiaty, perancangan kerjasama bersama para penerbit dan pemilik pangkalan data itu merangkumi kerjasama dari segi penggunaan teknologi digital seperti virtual dan augmented reality, penjualan hak cipta, serta kerjasama terjemahan dan penerbitan.

"Kolaborasi UMS dengan syarikat percetakan penerbitan dan pemilik pangkalan data antarabangsa diharap mampu memberi ruang terbuka kepada buku-buku terbitan UMS agar lebih mudah mencapai kesohoran antarabangsa, selari dengan hasrat universiti agar tulisan-tulisan ilmu UMS lebih mudah dikongsi sesama kelompok akademik dan meningkatkan jumlah sitasi," katanya.

Dalam pada itu, katanya bersempena pesta buku itu beberapa program diatur bersama dengan delegasi Malaysia termasuklah ucap tama oleh Dr. Maszlee di Goethe University, pelancaran buku dan pertemuan-pertemuan

kolaborasi.

"Satu persepakatan telah dijalin dalam bidang terjemahan secara bilateral menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) UMS bersama Cengage Learning Asia yang disaksikan sendiri oleh Dr. Maszlee sebagai salah satu kaedah pemasaran buku-buku UMS di peringkat Asia.

"Selain itu, Dr. Maszlee turut berkesempatan melancarkan buku terbitan UMS berjudul 'Mediasi dalam Perkembangan Novel Sabah' bersama-sama 12 buku ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dalam satu majlis yang turut dihadiri oleh Presiden Goethe University, Prof. Birgitta Wolff dan pengkaji sastera dan bahasa Melayu, iaitu Prof. Arndt Graf dan Prof. Bernd Northofer," kata Dr. Asmiaty.

FBF yang berlangsung selama lima hari menghimpunkan sebanyak 705 pempamer kecil dan besar, yang mewakili penulis, editor, penerbit serta entiti-entiti penting industri penerbitan, pencetakan buku, jurnal dan filem serta pakar teknologi di seluruh dunia.